



14 SEP, 2020

Usahawan Bumiputera perlu berani, berdaya saing

Utusan Sarawak, Malaysia

Page 1 of 2

Usahawan Bumiputera perlu berani, berdaya saing

SIMUNJAN: Usahawan Bumiputera di negeri ini khususnya dari kawasan Simunjan harus mempunyai sikap berani dan berdaya saing untuk berjaya dalam bidang perniagaan yang diceburi mereka.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Simunjan, Awla Dris berkata, setiap kejayaan datang daripada usaha gigih seseorang usahawan terbabit.

Menerusi taklimat yang disampaikan, beliau berkata, pro-

gram tersebut membolehkan para peserta dapat mengetahui proses perniagaan sama ada dari segi pembungkusan dan sebagainya.

"Kejayaan seseorang usahawan bukan datang daripada orang lain, sebaliknya kejayaan adalah datang daripada diri sendiri.

"Justeru, saya menggesa kepada para peserta agar berniaga secara bersungguh-sungguh dan bukan sekadar sambilan untuk

mencari belanja," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Perasmian Program Keusahawanan Kerepek Wanita Zon 3 Sungai Apin, Simunjan di Pusat Sumber Sungai Apin, di sini, kelmarin.

Dalam pada itu, beliau turut memohon kepada pihak Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) agar menyalurkan peruntukan bagi menyediakan kemudahan kepada para usahawan di



KENANGAN... Awla Dris bersama tetamu bergambar bersama usahawan Simunjan di Program Keusahawanan Kerepek Wanita Zon 3 Sungai Apin, Simunjan di Pusat Sumber Sungai Apin.

Simunjan bagi memudahkan mereka memulakan perniagaan.

Turut hadir, Pengarah Lembaga

Pemasaran Pertanian Persekutuan, Negeri Sarawak (FAMA), Dato Dr. Mat Sani Hassan.



14 SEP, 2020

Usahawan Bumiputera perlu berani, berdaya saing

Utusan Sarawak, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

SIMUNJAN: Usahawan Bumiputera di negeri ini khususnya dari kawasan Simunjan harus mempunyai sikap berani dan berdaya saing untuk berjaya dalam bidang perniagaan yang diceburi mereka. Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Simunjan, Awla Dris berkata, setiap kejayaan datang daripada usaha gigih seseorang usahawan terbabit. Menerusi taklimat yang disampaikan, beliau berkata, program

tersebut membolehkan para peserta dapat mengetahui proses perniagaan sama ada dari segi pembungkusan dan sebagainya.